

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS MASYARAKAT PENYAYANG  
Lokasi : PULAU PINANG  
Tarikh : 23-11-1998

Saya sangat berbesar hati pada pagi yang berbahagia ini kerana dapat hadir di Upacara Majlis Perasmian Kompleks Masyarakat Penyayang, Pulau Pinang.

2. Saya suka merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dr Koh Tsu Koon selaku Ketua Menteri Pulau Pinang yang mempunyai pandangan jauh dalam merancang pembinaan sebuah Kompleks Masyarakat Penyayang untuk kegunaan pertubuhan- pertubuhan sukarela di Negeri Pulau Pinang ini.

3. Perwujudan sebuah kompleks untuk kegunaan NGO's adalah suatu perancangan yang tepat pada masanya memandangkan kita berkehendakkan komitmen pertubuhan- pertubuhan sukarela untuk sama-sama bergerak dan memainkan peranan untuk menjalankan program-program yang dapat menangani masalah gejala sosial.

4. Saya juga difahamkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah menyeru supaya semua Kerajaan Negeri masing-masing merancang ke arah pembinaan sebuah Kompleks Penyayang sepertimana yang diilhamkan oleh Negeri Pulau Pinang ini.

5. Kita perlu sedar bahawa kemajuan yang dicapai telah secara tidak langsung menggugat kestabilan masyarakat kerana cara gaya hidup dan nilai telah berubah mengikut peredaran semasa terutama dipengaruhi oleh dunia materialistik, budaya barat dan kecanggihan teknologi moden. Walau bagaimanapun ini bukanlah satu alasan untuk kita menyalahkan keadaan semata-mata. Sekiranya kita peka dan prihatin tentang perkara-perkara yang akan menggugat masyarakat kita, kebanyakan masalah akan dapat diatasi. Oleh itu dengan adanya kemudahan-kemudahan asas yang lengkap di kompleks ini akan memberi ruang yang secukupnya kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela memainkan peranan masing-masing membantu Kerajaan mengatasi sebarang masalah yang timbul.

6. Oleh itu sukacita saya menyeru semua Kerajaan Negeri supaya mula merancang ke arah pembinaan sebuah kompleks sebagai pusat kegiatan pertubuhan-pertubuhan sukarela di negeri masing-masing dengan tujuan menyemarakkan aktiviti dan program-program yang boleh dimainkan oleh mereka sebagai suatu khidmat sosial kepada masyarakat.

7. Saya yakin bahawa pertubuhan-pertubuhan sukarela di Pulau Pinang begitu istimewa daripada segi hubungan yang baik antara kaum di samping dapat menanam di dalam diri mereka nilai moral dan etika yang kukuh dan mempunyai sifat bertolak ansur. Saya ucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Ketua Menteri kerana keprihatinan beliau kepada masalah-masalah sosial dan keperluan pertubuhan-pertubuhan sukarela di negeri ini. Sebuah kompleks yang serba lengkap seperti ini akan dapat membantu golongan yang menghadapi masalah sosial, seterusnya meningkatkan mutu hidup rakyat yang bermasalah.

8. Oleh itu sekali lagi suka saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Ketua Menteri Pulau Pinang di atas idea dan perancangan positif beliau ke arah pembinaan Kompleks Masyarakat Penyayang Pulau Pinang.

9. Akhirnya, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, syarikat Robert Bosch yang telah menderma RM670,000.00 untuk menaja sebuah Dewan yang kini dinamakan 'Dewan Bosch' dan semua pihak yang telah menjayakan program ini.

10. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim saya dengan sukacitanya merasmikan 'Kompleks Masyarakat Penyayang' Pulau Pinang.